

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN PERSIDANGAN KESUSASTERAAN TAMIL ISLAM SEMALAYSIA

TEMPAT: PUTRA WORLD TRADE CENTRE, KUALA LUMPUR

TARIKH: 14 OCT 2002

MASA:

Bersyukur kita pada Allah S.W.T. kerana kita dapat menghadiri ke majlis Persidangan Kesusasteraan Tamil Islam Se Malaysia yang pertama kali diadakan di Malaysia. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana telah menjemput saya untuk merasmikan majlis yang bersejarah ini.

2. Bahasa merupakan salah satu elemen komunikasi dalam kehidupan manusia. Bahasa juga merupakan pengenalan atau identiti sesuatu komuniti. Oleh itu bahasa yang mencerminkan jiwa bangsa itu amat penting dan dipelihara dengan bersungguh-sungguh oleh mana-mana komuniti kaum sekalipun.

3. Begitu juga dengan budaya kaum. Ia tetap dipertahankan oleh sesuatu komuniti itu supaya ia tidak hilang walaupun diancam oleh elemen lain yang lebih kuat. Sebab itu apabila agama Islam dipeluk oleh kumpulan-kumpulan besar di negara India, elemen budaya kaum India masih kekal. Umpamanya orang India Islam tidak suka makan daging lembu.

4. Namun sifat budaya Islam yang kukuh menyebabkan wujudnya satu bentuk budaya yang dikenali sebagai budaya komposit Indo-Muslim. Budaya komposit Indo-Muslim merupakan satu bentuk percampuran budaya Hindu dan Islam dengan identiti budaya masing-masing.

5. Di selatan India pula mereka yang telah memeluk agama Islam masih menggunakan bahasa Tamil. Usaha-usaha telah diambil untuk menterjemahkan Al-Quran dalam bahasa Tamil. Terdapat juga beberapa buku sastera yang berbentuk agama Islam seperti "Seerapuaranam" yang kaya dengan kesusasteraan bahasa Tamil.

6. Saya difahamkan bahawa para cendekiawan yang fasih dalam kesusasteraan bahasa Tamil jarang merujuk kepada karya-karya tulisan tokoh-tokoh India Muslim. Ini adalah merugikan kerana jika kita sendiri tidak boleh menyebarkan kekayaan karya-karya sedemikian maka kita tidak boleh berharap pada pihak lain ataupun generasi muda kita untuk berbuat demikian.

7. Kebudayaan yang kaya dengan manuskrip-manuskrip

yang berhubungkait dengan pembangunan Islam di kalangan Muslimin yang bertutur dalam bahasa Tamil tidak akan bermakna sekiranya langkah-langkah tidak diambil untuk memelihara dan mewujudkannya . Dan ia menjadi kewajipan tuan-tuan semua untuk memelihara karya-karya Tamil Islam demi kebaikan semua.

8. Dengan adanya ICT, Internet, e-mel, k-ekonomi, k-pengetahuan dan sebagainya adalah dikhuatiri karya kesusasteraan Islam Tamil tidak akan menjadi popular di kalangan bukan sahaja orang ramai malah kaum India sendiri. Oleh itu persidangan sebegini amatlah tepat dan relevan dengan keadaan semasa. Saya difahamkan persidangan ini di adakan bertujuan memberikan motivasi dan kesedaran, menghayati dan menyelidik kesusasteraan Tamil Islam yang ditulis oleh karyawan Muslim dan mengeratkan silatulrahim umat Islam khasnya kaum India Muslim di Malaysia.

9. Di Malaysia pula kita semua tahu bahawa Munshi Abdullah adalah seorang keturunan India Muslim yang begitu cekap dalam seni tulisannya. Adapun hasrat saya untuk melihat seorang bagaikan Munshi Abdullah pada zaman ini untuk mencatatkan perkembangan kesusasteraan Tamil Islam di Malaysia untuk pengetahuan generasi muda pada masa hadapan.

10. Dalam persidangan seperti ini kita dapat mencungkil hasil karya sasterawan dahulu dan kini sambil mengkaji sejarah dan kepentingannya kepada umat Islam sejagat. Persidangan sebegini juga akan mengingatkan kaum India Muslim tentang sejarah nenek moyang mereka. Sejarah adalah tamadun bagi sesuatu kaum. Ianya akan dapat memberi kesedaran kepada generasi yang akan datang. Program sebegini akan dapat memberikan motivasi kepada remaja-remaja kini untuk terus menulis sejarah-sejarah berunsur Islamiah.

11. Untuk menjayakan program ini diharap generasi akan datang dapat memahami kewujudan dan tamadun Islam dan sejarahnya. Oleh itu diharap sejarah-sejarah karya kesusasteraan India Muslim dapat dicetak dan diedar di sekolah-sekolah Tamil, Melayu dan Cina supaya mereka juga dapat merujuk dan memahami sejarah tamadun Islam.

12. Saya mengucapkan syabas kepada penganjur iaitu Badan Amal Islam dengan kerjasama Persatuan-persatuan Kebangsaan dan Badan-badan Amal India Muslim Malaysia.

13. Saya berharap melalui majlis-majlis seumpama ini kita dapat menyebarkan kekayaan karya kesusasteraan pada masyarakat tempatan yang berbilang kaum dan agama.

14. Akhir sekali, sekalung tahniah sekali lagi kepada Badan Amal Islam dan Persatuan-persatuan India Muslim dan mereka yang telah menganjurkan dan menjayakan persidangan ini.

15. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan
Persidangan Kesusteraan Tamil Islam SeMalaysia.